



PARLADA

(Pelan Antirasuah Organisasi Lembaga Pembangunan Langkawi)



UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
integriti@lada.gov.my

Diterbitkan Oleh:



Unit Integriti

Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi
Kedah Darul Aman

No. Tel : 04-9600 684/686/770/771
Email : integriti@lada.gov.my
Laman Web : www.lada.gov.my

Hak Cipta Terpelihara
©Lembaga Pembangunan Langkawi 2020

Dicetak Oleh:
KMK Printing and Graphic Sdn Bhd
177-178, Kompleks Shahab Perdana
05150 Alor Setar



Amanat

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya, Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2020-2024* di LADA berjaya dihasilkan.

Pelan yang komprehensif dan inklusif ini diperkenalkan sebagai PARLADA dihasilkan selaras dengan kehendak Kerajaan sebagaimana dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Selain itu, pelan ini dibangunkan sebagai bukti komitmen dan rujukan kepada seluruh warga LADA dalam mencegah rasuah dan meningkatkan integriti organisasi.

Justeru, LADA amat komited mendukung pelaksanaan inisiatif ini untuk mengekang isu rasuah daripada berlaku di dalam organisasi. Bermula dengan usaha ini, saya percaya komuniti akan memberi penghormatan tinggi kepada setiap sumbangan LADA khususnya dalam pembangunan komuniti dan pelancongan Langkawi di samping meningkatkan keyakinan komuniti dan pemegang taruh luar terhadap LADA. Harapan yang diletakkan ini adalah tinggi dan LADA memerlukan sokongan dan komitmen penuh semua pihak untuk membanteras sebarang bentuk rasuah daripada berlaku di LADA.

Sekian.



(DR. HEZRI ADNAN)

Pernyataan Komitmen

PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Antirasuah Organisasi Lembaga Pembangunan Langkawi atau **PARLADA** merupakan dokumen antirasuah utama yang memaparkan kesungguhan dan komitmen seluruh warga LADA untuk membanteras masalah rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salahlaku integriti dalam organisasi.



Penghasilan PARLADA dibangunkan selaras dengan penggubalan NACP dan berpandukan kepada Objektif Strategik 2.1 iaitu Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik di mana semua sektor awam adalah diwajibkan untuk membangunkan pelan tersebut.

Penghasilan pelan ini telah mendapat sokongan penuh daripada 13 bahagian/unit di LADA yang menyumbang input bagi penilaian risiko. Justeru, LADA amat yakin setiap intipati PARLADA telah pun mengambil kira senario dan permasalahan rasuah sama ada dalaman mahupun luaran sekiranya berlaku di LADA.

Selain itu, Pengurusan Tertinggi sentiasa komited dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan di LADA melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta pengamalan nilai-nilai baik. Makanya, dengan penghasilan PARLADA, LADA dapat memastikan kelangsungan sistem penyampaian perkhidmatan awam berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Nilai dan Budaya

Penghasilan PARLADA adalah memberi tumpuan kepada pengamalan nilai tinggi oleh warga kerja melalui pembudayaan nilai-nilai teras integriti LADA iaitu **Bekerjasama, Berintegriti, Mesra, Berdisiplin, Komited dan Profesionalisme** yang akan mendukung kepada kejayaan pelaksanaan usaha pencegahan rasuah di LADA pada masa hadapan.

Halatuju

Visinya adalah menjadikan warga kerja LADA adalah Bebas Rasuah dan Salah Laku Integriti iaitu Meningkatkan Kesedaran Pegawai untuk Melapor Kesalahan Rasuah, dan Mengurangkan Salah Laku Integriti di Kalangan Warga LADA.

Strategi dan Pelan Tindakan

Terdapat tiga bidang keutamaan yang berisiko kepada rasuah yang perlu diberi penekanan iaitu pentadbiran sektor awam, perolehan awam dan tadbir urus. Bagi menanganinya secara holistik, PARLADA menggariskan sebanyak tiga (3) bidang keutamaan yang memayungi lima (5) objektif strategik, 27 risiko serta 70 pelan tindakan/inisiatif secara keseluruhan. Setiap strategi dan pelan tindakan yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemerkasaan pencegahan rasuah sama ada melalui perubahan dasar, penambahbaikan sistem dan teknologi, pengukuhan struktur dan pemantauan mahupun pemantapan modal insan.



KANDUNGAN

Bab 1: Pengenalan

Latar Belakang	1
Fungsi dan Peranan LADA	3
Nilai Teras LADA	4

Bab 2: Isu Dan Cabaran

Senario Masa Depan	7
Isu dan Cabaran	8

Bab 3: Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah LADA

Penilaian Risiko	9
Bidang-Bidang Berisiko	10
Kerangka PARLADA 2020-2024	11
Strategi Pelaksanaan	12
Analisa Data	14
Bidang Keutamaan: Pentadbiran Sektor Awam	16
Bidang Keutamaan: Perolehan Awam	22
Bidang Keutamaan: Tadbir Urus	26

Bab 4: Kesimpulan

Kesimpulan	32
Penghargaan	33



**BAB 1:
PENGENALAN**

LATAR BELAKANG

Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan pelaksanaan fungsi LADA khususnya dalam konteks pembangunan di Langkawi, Pengurusan Tertinggi amat serius untuk menangani isu pelanggaran integriti, rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan yang melibatkan warga kerja.

Tindakan pengukuhan integriti dan pencegahan rasuah secara berstruktur melalui Pelan Integriti Organisasi (PIO) telah mula dilaksanakan pada tahun 2015-2017 bagi mendukung Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada 23 April 2004.

Langkah yang serupa juga telah dipatuhi oleh LADA semasa Kerajaan menggerakkan Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) pada tahun 2010 dan Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) pada tahun 2012 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mengenai antirasuah. Antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan termasuklah penubuhan Unit Integriti LADA sebagaimana digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, pelaksanaan pusingan kerja, inisiatif perlindungan pemberi maklumat dan *Integrity Pact* dalam semua urusan perolehan awam.

Oleh yang demikian, seiring dengan pelaksanaan NACP, LADA telah menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) atau PARLADA 2020-2024 yang mendukung tiga (3) bidang keutamaan daripada enam (6) bidang yang digariskan dalam NACP iaitu Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam dan Tadbir Urus. Pengenalan PARLADA bermatlamat untuk mengekang berlakunya risiko rasuah di dalam LADA serta memastikan tahap paling minima sekaligus memartabatkan imej LADA ke tahap tertinggi sebagai sebuah agensi peneraju pembangunan Langkawi yang bebas daripada amalan rasuah.

FUNGSI DAN PERANAN LADA

Peranan utama LADA dalam arus pembangunan Langkawi adalah sebagaimana fungsi-fungsi Lembaga seperti berikut:

1

Memajukan, mengalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan LADA

2

Memajukan dan mengalakkan kawasan LADA sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas duti

3

Memajukan, mengalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam kawasan LADA

4

Sebagai penyelaras bagi sebarang pelaksanaan aktiviti dalam kawasan LADA

NILAI TERAS LADA

Enam (6) elemen utama dalam dasar pengurusan integriti LADA bagi memastikan pencapaian visi dan misi yang terdiri daripada nilai-nilai berikut:



PROFESIONALISME

Sentiasa meningkatkan ilmu dan kemahiran secara berterusan. Pengurusan LADA amat mementingkan pembangunan modal insan serta pembangunan kapasiti khusus untuk warga kerjanya bagi memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan awam.

KOMITMEN

Sentiasa bertanggungjawab dan memberi komitmen dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Pengurusan LADA memastikan *output* perkhidmatan LADA berupaya memberikan kesan kebaikan dan impak berfaedah kepada semua pihak berkepentingan khususnya pelanggan, pemegang taruh serta komuniti di Langkawi.

DISIPLIN

Sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Pengurusan LADA amat mementingkan *output* perkhidmatan yang dihasilkan oleh warga kerja yang berkemahiran, berpengetahuan dan berkeupayaan dalam tugas yang dilakukannya melalui pematuhan undang-undang, peraturan, perintah, pekeliling dan undang-undang yang berkaitan. Disiplin tinggi di kalangan warga kerja menunjukkan imej jabatan di tahap yang terbaik di samping memberi kepuasan kepada pelanggan, pemegang taruh, dan komuniti di Langkawi.

BEKERJASAMA

Sentiasa menjalankan tugas secara bekerjasama dan berpasukan. Pengurusan LADA amat menitikberatkan peningkatan dan pementapan etika dan integriti supaya dapat dibudayakan di kalangan warga kerja. Kerjasama berpasukan dapat memastikan penyampaian perkhidmatan awam adalah berkesan dan berintegriti.

BERINTEGRITI

Sentiasa mempunyai sifat jati diri yang penuh dengan keikhlasan, ketulusan, amanah, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi dan boleh dipercayai. Pengurusan LADA pada setiap masa akan memastikan penyampaian perkhidmatan warga kerja adalah berintegriti, amanah, jujur, bertingkh laku mulia, boleh dipercayai serta memelihara kepentingan awam dan bukannya untuk kepentingan diri sendiri.

MESRA

Sentiasa memberikan layanan dan perkhidmatan berkualiti dengan ramah mesra dan sopan santun. Pengurusan LADA memberi fokus yang tinggi kepada para pelanggan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam adalah memenuhi ekspektasi pelanggan.



**BAB 2:
ISU DAN CABARAN**

SENARIO MASA HADAPAN

Rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa masih boleh berlaku atas konflik kepentingan serta faktor manusia. Berdasarkan kajian kepustakaan, antara faktor-faktor rasuah adalah seperti berikut:




ISU DAN CABARAN

Berdasarkan Laporan Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index* atau CPI) tahun 2018 yang dikeluarkan oleh *Transparency International* Malaysia pada 29 Januari 2019 menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-61 daripada 180 negara berbanding tangga ke-62 daripada 180 negara pada tahun 2017. Indeks ini memfokuskan elemen rasuah dalam sektor awam dan ahli politik dengan melihat kepada penyalahgunaan kemudahan awam untuk kepentingan atau keuntungan peribadi. Pada masa yang sama, Malaysia mengekalkan skor 47 daripada 100 dalam laporan CPI tahun lalu iaitu skor yang sama pada tahun 2017.

Berdasarkan trend rasuah di Malaysia dalam tempoh lima (5) tahun (2013-2018) pula, nyata dilihat sektor awam merupakan sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Pernyataan ini disokong dengan perbandingan tahap risiko 17.06 peratus oleh sektor swasta, manakala sektor awam mencatatkan tahap risiko yang jauh lebih tinggi iaitu 63.30 peratus.


Mengambil kira fenomena-fenomena rasuah di peringkat negara, LADA komited untuk memerangi gejala rasuah dan memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan yang berintegriti kepada komuniti di Langkawi. Namun, cabaran-cabaran tersebut secara tidak langsung menjejaskan penyampaian perkhidmatan serta imej perkhidmatan awam dan jabatan.



BAB 3:
**MEMPERKASAKAN USAHA
PENCEGAHAN RASUAH LADA**

PENILAIAN RISIKO

LADA telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/*Corruption Risk Management* (CRA) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di LADA yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah:



BIDANG-BIDANG BERISIKO

PARLADA telah menetapkan tiga (3) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah seperti di rajah berikut:

BIDANG BERISIKO

Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam



Memupuk amalan tadbir urus yang baik



Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam



KERANGKA PARLADA 2020-2024

LADA mengakui betapa perlunya menangani masalah rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salah laku integriti dalam organisasi. Kelekaan dan kecuaiannya untuk menangani masalah rasuah dan integriti di dalam organisasi bukan sahaja boleh menjejaskan imej LADA malah boleh menghilangkan kepercayaan komuniti kepada LADA selaku agensi peneraju pembangunan di Langkawi.

Melangkah ke hadapan, Pengurusan Tertinggi LADA telah menetapkan perancangan yang jauh lebih fokus dan berstruktur untuk memastikan visi “Warga Kerja LADA adalah Bebas Rasuah dan Salah Laku Integriti” dapat direalisasikan seiring dengan aspirasi Negara supaya “Malaysia dikenali kerana integriti bukannya rasuah”.

Bagi mencapai matlamat tersebut, LADA telah menetapkan **tiga (3) bidang keutamaan** bagi menangani risiko rasuah dan salah laku integriti di LADA khususnya dalam sektor **Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam dan Tadbir Urus**. Strategi ini akan juga didukung oleh tiga (3) langkah penting iaitu melalui pengukuhan integriti warga kerja, memperkemas tadbir urus sedia ada dan pemerkasaan usaha pencegahan rasuah di LADA sejajar dengan kehendak NACP.

STRATEGI PELAKSANAAN

Melalui langkah yang telah ditetapkan ini, LADA berharap agar ia dapat meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti LADA sekaligus melonjakkan imej LADA di persada nasional dan antarabangsa. Hasilnya, PARLADA menggariskan sebuah kerangka yang memayungi strategi dengan komprehensif dalam memerangi rasuah secara menyeluruh yang merangkumi kehendak pemegang taruh dan pelanggan LADA.

1

VISI

Warga kerja LADA adalah Bebas Rasuah dan Salah Laku Integriti

2

MISI

- 1) Memastikan warga kerja berakauntabiliti, cekap dan telus dalam penyampaian perkhidmatan awam
- 2) Memperkukuhkan nilai dan integriti warga kerja LADA melalui pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa

3

MATLAMAT

- 1) Mengurangkan salah laku integriti di kalangan warga kerja LADA
- 2) Memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif dan cekap dalam pelaksanaan prosedur kerja


4

BIDANG KEUTAMAAN

- 1) Pentadbiran Sektor Awam
- 2) Perolehan Awam
- 3) Tadbir Urus

Strategi yang digariskan ini akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang dan berfokuskan kepada tiga (3) bidang keutamaan yang memayungi lima (5) objektif strategik, 27 risiko dan 70 pelan tindakan/inisiatif.


PARLADA 2020-2024



ANALISA DATA


Dalam usaha mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di LADA yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi, Jawatankuasa Pembangunan OACP LADA telah menganalisa beberapa data yang berkaitan bagi membantu menyenaraikan risiko-risiko.

KADAR KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS




Sumber: Unit Integriti LADA

BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA OLEH LADA



Sumber: Unit Integriti LADA

BILANGAN KES TATATERTIB DI LADA



Sumber: Unit Integriti LADA

**BIDANG KEUTAMAAN:
PENTADBIRAN SEKTOR AWAM**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.1:
MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR
URUS YANG BAIK**

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
1.	Campur tangan dalam proses pengambilan/pelantikan kakitangan LADA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penguatkuasaan Garis Panduan <i>LADA Recruitment</i> 2. Mewujudkan <i>Online Recruitment</i> 3. Penguatkuasaan Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan 4. Pelaksanaan <i>Integrity Testing</i> kepada calon 5. Pembaharuan Kod Etika/Kod Nilai LADA 	Memantau pemakaian dan penguatkuasaan inisiatif yang dilaksanakan serta memperkemaskan elemen kawalan dan pemantauan ke atas setiap inisiatif mengikut sukuan tahun	<p>Unit Perkhidmatan</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>Jun 2020 – Disember 2024</p>

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
2.	Manipulasi data/dokumen terperingkat oleh individu berpengaruh	<ol style="list-style-type: none"> Menghadiri Kursus Etika dan Integriti (<i>High Level Course</i>) terutamanya bagi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun Pemantauan dan penguatkuasaan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif Bilangan 4 Tahun 2020: Pengurusan Keselamatan Dokumen Rahsia Rasmi Jabatan Garis Panduan Keselamatan Perlindungan Dokumen/Suratan Rahsia Rasmi Mewujudkan bilik <i>centre-registry</i> Menghadiri latihan berkaitan pengurusan fail terperingkat oleh pegawai yang bertanggungjawab Penguatkuasaan polisi pengaruh luar terhadap urusan Lembaga Pengarah LADA 	Mengenalpasti pegawai/jawatan sensitif yang berpotensi untuk memanipulasi maklumat penting Kerajaan dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang telah digariskan	<p>Unit Pentadbiran Am</p> <p>Unit Latihan dan Kompetensi</p> <p>Unit Integriti</p> <p>Unit Pemantauan dan Pelaksanaan</p>	<p>Januari 2021 – Disember 2024</p>

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
3.	Campur tangan individu berpengaruh dalam proses membuat keputusan tender/ sebutharga	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemakaian Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat 2. Taklimat mengenai Akta SPRM 2009 	Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas SOP yang berkuatkuasa	Unit Integriti	Jun 2020 – Disember 2020

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.2:
MEMPERLUASKAN PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN
INTEGRITI DAN NILAI-NILAI MURNI**

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
1.	Serangan fizikal di LADA	1. Pelaksanaan <i>Anger Management Course</i>	Memperkemaskan struktur tadbir urus serta pematuhan kepada arahan, garis panduan dan pekeliling yang berkuatkuasa	Unit Latihan dan Kompetensi	Januari 2020 – Disember 2022
2.	Rasuah dan salah guna kuasa	1. Penguatkuasaan Garis Panduan Pengurusan Aduan Salah Laku 2. Pelaksanaan Kursus Anti-Rasuah	Memperkemas dan meningkatkan tahap pemantauan terhadap penyalahgunaan kuasa kepada pegawai yang terlibat	Unit Integriti Unit Latihan dan Kompetensi	Januari 2020 – Disember 2020

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
3.	Penyalahgunaan Kad Perakam Waktu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemakaian <i>System Thumb Print</i> 2. Pemakaian poster integriti di <i>website/</i> pejabat 	Mempertingkat dan memantau pematuhan terhadap arahan yang berkuatkuasa	<p>Unit Pentadbiran Am</p> <p>Unit Integriti</p>	Januari 2021 – Disember 2024
4.	Ketidakhadiran bertugas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tindakan punitif yang lebih tegas kepada pegawai yang tidak hadir bertugas 	Mempertingkat dan memantau pematuhan terhadap arahan yang berkuatkuasa	<p>Unit Integriti</p> <p>Unit Perkhidmatan</p>	Januari 2020 – Disember 2024
5.	Gangguan seksual, khalwat dan bersekedudukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan program nilai-nilai murni yang memberi tumpuan kepada permasalahan ini 	Memantau pematuhan terhadap arahan yang berkuatkuasa	<p>Unit Latihan dan Kompetensi</p> <p>Unit Integriti</p>	Januari 2020 – Disember 2024

BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1: MENINGKATKAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM DAN PENGURANGAN RISIKO RASUAH

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
1.	Kebocoran maklumat dokumen semasa proses perolehan dilaksanakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tindakan punitif kepada pegawai yang didapati membocorkan maklumat 2. Aduan disalurkan kepada Unit Integriti 3. Melaksanakan siasatan khas terhadap pegawai yang terlibat 	Memperkemaskan pemantauan kawalan dalaman dan mempertingkatkan pematuhan tatacara perolehan	<p style="text-align: center;">Unit Perolehan</p> <p style="text-align: center;">Unit Integriti</p> <p style="text-align: center;">Unit Audit Dalam</p>	Januari 2021 – Disember 2024
2.	Salahguna kuasa dalam pelantikan kontraktor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pematuhan garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia 2. Peraturan menetapkan pelantikan pembekal/kontraktor adalah di kalangan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian 	Meningkatkan pemantauan kepada peraturan yang berkuatkuasa	<p style="text-align: center;">Unit Perolehan</p> <p style="text-align: center;">Jawatankuasa Perolehan LADA</p>	Januari 2021 – Disember 2022

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
3.	Tawaran rasuah untuk mempengaruhi proses penilaian pelaburan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan 2. Membuat pusingan pegawai yang menganggotai jawatankuasa 	Memperkemas, menguatkuasa serta memantau tatacara proses pelaburan	Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Peniagaan	Januari 2021 – Disember 2024
4.	Campur tangan individu berpengaruh untuk mendapatkan/ meluluskan tawaran projek	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan dan Pelaksanaan Projek 	Memperkemas, menguatkuasa serta memantau tatacara proses pelaburan	Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan Bahagian Perancangan	Januari 2021 – Disember 2021
5.	Pakatan harga oleh pembekal/ kontraktor (harga yang tidak munasabah/ manipulasi harga)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan pusingan kerja 2. Perolehan secara <i>online</i> 3. Menyediakan Kod Etika Pembekal 	Memperkemas prosedur perolehan sedia ada LADA dan mempertingkatkan kawalan dalaman	Unit Perolehan Unit Perkhidmatan	Januari 2021 – Disember 2024
6.	Perancangan perolehan tidak dipatuhi menyebabkan ketidakpatuhan kepada peraturan perolehan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semakan semula perancangan perolehan secara berkala 	Mempertingkatkan pemantauan dan pematuhan peraturan perolehan yang berkuatkuasa	Unit Perolehan Semua Bahagian/Unit	Januari 2021 – Disember 2022

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
7.	Penilaian kelulusan bahan pembinaan/kerja yang tidak mematuhi spesifikasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tindakan punitif yang lebih tegas terhadap pelanggaran SOP sedia ada 2. Pelaksanaan Pusingan Kerja dan Taraf Risiko Jawatan 3. Mewujudkan kod etika pembekal 4. Penggunaan borang kelulusan bahan 	Mempertingkatkan serta memantau ke atas pematuhan arahan dan pekeliling berkaitan perolehan serta pentadbiran kontrak	<p>Jawatankuasa Perolehan LADA</p> <p>Unit Perolehan</p> <p>Unit Integriti</p>	Januari 2021 – Disember 2024
8.	<i>Conflict of interest</i> dalam pelaksanaan perancangan perolehan bagi pembelian/kerja yang berulang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penggiliran Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam perolehan 2. Penguatkuasaan pengisytiharan Ahli Lembaga Pengarah dan CEO syarikat 	Mempertingkatkan pemantauan dan pematuhan peraturan perolehan	<p>Jawatankuasa Perolehan LADA</p> <p>Unit Perolehan</p>	Januari 2020 – Disember 2022
9.	Campur tangan dalam pemilihan bengkel penyelenggaraan kenderaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan kawalan dalaman bagi pemilihan bengkel mengikut sistem penggiliran 2. Pelaksanaan latihan secara berkala kepada pegawai bertanggungjawab melalui Kursus Spesifikasi Penyelenggaraan Logistik 	Mempertingkatkan pemantauan dan kawalan dalaman kepada sistem penggiliran pemilihan bengkel	<p>Unit Keselamatan dan Logistik</p> <p>Unit Latihan dan Kompetensi</p>	Januari 2020 – Disember 2022

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1: MEMASTIKAN PENGAMALAN KETELUSAN DI LADA

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
1.	Pakatan mengesahkan bayaran bagi kerja/ perkhidmatan yang tidak sempurna	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemeriksaan mengejut dan pemantauan 2. Pengesahan kesempurnaan bekalan/perkhidmatan oleh pegawai kedua 3. Memperkemaskan tatacara penerimaan perkhidmatan bekalan/kerja 	Mempertingkatkan kawalan dalaman	Bahagian Kewangan Unit Audit Dalam Unit Pentadbiran Am	Januari 2020 – Disember 2024
2.	Dengan sengaja melengahkan bayaran interim	<ol style="list-style-type: none"> 1. Latihan pengukuhan integriti kepada warga kerja 2. Tindakan punitif yang lebih tegas terhadap pelanggaran SOP sedia ada 3. Terma antirasuah dalam perjanjian/ dokumen kontrak 	Mempertingkat dan memantau ke atas pematuhan arahan dan pekelling berkaitan perolehan dan pentadbiran kontrak	Unit Latihan dan Kompetensi Pemilik Projek Unit Integriti Unit Undang-Undang	Januari 2020 – Disember 2022
3.	Penyelewengan/ salahguna peruntukan/tidak mengikut prosedur kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tindakan punitif yang lebih tegas 2. Kawalan ke atas penyeliaan prosedur kewangan 	Memantapkan penyeliaan kepatuhan terhadap SOP yang berkuatkuasa	Bahagian Kewangan Unit Integriti	Januari 2020 – Disember 2024

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
4.	Campur tangan dalam pemilihan bengkel penyelenggaraan kenderaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan Garis Panduan Pemilihan Bengkel Penyelenggaraan 2. Memperkenalkan SOP pemilihan bengkel 3. Pelaksanaan latihan secara berkala kepada pegawai bertanggungjawab melalui Kursus Spesifikasi Penyelenggaraan Logistik 4. Mewujudkan sistem kawalan dalaman iaitu Perjanjian Kontrak bersama pembekal melalui Sistem Penggiliran Pemilihan Bengkel 	Mempertingkatkan pemantauan dan kawalan terhadap garis panduan, pekeliling serta arahan semasa yang telah dikuatkuasakan oleh organisasi	<p>Unit Keselamatan dan Logistik</p> <p>Unit Latihan dan Kompetensi</p>	Januari 2020 – Disember 2022
5.	Ketidaktelusan kutipan hasil	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penambahbaikan SOP kutipan hasil 2. Peringatan berkala kepada pematuan pengurusan kewangan 	Memperkasakan dan memantapkan terma rujukan mengenai konflik kepentingan	<p>Bahagian Kewangan</p> <p>Unit Integriti</p>	Januari 2020 – Disember 2022

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
6.	Pembayaran terhadap pembekalan yang tidak disempurnakan (tuntutan palsu)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penganjuran acara dibuat secara <i>open tender</i>/RFP 2. Menambahbaik prosedur ISO perancangan dan pengurusan acara 3. Mengenalpasti pegawai yang berisiko dan melaksanakan pengisytiharan harta yang lebih kerap 4. Penerangan berkaitan SOP kepada bahagian/unit secara berterusan 	Meningkatkan kredibiliti sistem tadbir urus pengurusan dan perancangan	Bahagian Pelancongan Bahagian Kewangan Unit Integriti	Januari 2020 – Disember 2022
7.	Pengurusan kutipan hasil	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perjanjian yang jelas dengan perincian <i>exit clause</i> dan liabiliti bagi kedua-dua pihak 2. Naziran berkala bagi pematuhan pengurusan kutipan hasil 	Memperkukuhkan ketelusan dan integriti pegawai melalui pelaporan kepada jawatankuasa berkaitan dari semasa ke semasa	Bahagian Kewangan Unit Undang-Undang Unit Audit Dalam	Januari 2020 – Disember 2022

**OBJEKTIF STRATEGIK 3.2:
MEMASTIKAN DAYA TAHAN TERHADAP ANCAMAN RASUAH
DI LADA**

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
1.	Kebocoran maklumat/data/dokumen terperingkat	<ol style="list-style-type: none"> Meningkatkan pemahaman dan penghayatan kepada warga kerja bagi memperkukuhkan kepatuhan kepada Dasar ICT LADA Pemantauan dan penguatkuasaan Prosedur Operasi Standard Pengendalian Dan Penghantaran Maklumat Dan Dokumen Rasmi/Rahsia Rasmi Menggunakan Aplikasi Media Sosial Pemantauan dan penguatkuasaan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif Bilangan 4 Tahun 2020 berkaitan Pengurusan Keselamatan Dokumen Rahsia Rasmi Jabatan Melaksanakan Kursus Keselamatan Dokumen Kerajaan serta inspektorat dua (2) kali setahun 	Memastikan daya tahan terhadap ancaman rasuah	<p>Bahagian Teknologi Maklumat</p> <p>Unit Pentadbiran Am</p> <p>Unit Latihan dan Kompetensi</p> <p>Unit Keselamatan dan Logistik</p>	Januari 2021 – Disember 2024

Bil	Risiko/Potensi Risiko	Pelan Tindakan/Inisiatif	Strategi	Pelaksana	Tempoh
2.	Penyalahgunaan media sosial di kalangan penjawat awam (pendedahan maklumat terperingkat dan mencemuh)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tindakan punitif yang lebih tegas terhadap penyalahgunaan media sosial 2. Mewujudkan kod etika penggunaan media sosial 3. Pemakaian poster integriti di <i>website/</i> pejabat 	Mempertingkatkan serta memantau ke atas pematuhan arahan dan pekeliling berkaitan panduan dan etika penggunaan media sosial	Unit Khidmat Korporat Unit Integriti	Januari 2020 – Disember 2022
3.	Kebocoran dokumen projek pada peringkat awal/kertas cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peringatan berkala pematuhan menjaga kerahsiaan jabatan 2. Penguatkuasaan arahan tidak menggunakan <i>smartphone</i> di dalam bilik mesyuarat 3. Memperkemas SOP sedia ada bagi mengelakkan <i>conflict of interest</i> 	Menginstitutionkan kredibiliti tadbir urus organisasi	Unit Pentadbiran Am Unit Integriti	Januari 2020 – Disember 2022



**BAB 4:
KESIMPULAN**

KESIMPULAN

Kerajaan dalam usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan telah merangka satu pelan khusus iaitu NACP 2019-2023 bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus di dalam negara.

Justeru, LADA sentiasa komited untuk memantapkan pengukuhan integriti dan pencegahan rasuah dengan melaksanakan 70 pelan tindakan/inisiatif melalui tiga (3) bidang keutamaan di dalam PARLADA bagi menangani masalah rasuah dan salahlaku integriti. LADA selaku agensi peneraju pembangunan di Langkawi akan memastikan setiap urusan dan perkhidmatannya dilaksanakan sebaik mungkin berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan akauntabiliti.

PARLADA ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada semua warga LADA dan pihak yang terlibat dalam usaha memantapkan governans, integriti dan antirasuah LADA.

Secara keseluruhannya, kejayaan dan keberkesanan PARLADA amat bergantung penuh kepada komitmen dan kesepakatan keseluruhan warga kerja LADA dan pemegang taruh dalaman mahupun luaran. Adalah diharapkan inisiatif yang digariskan dapat dilaksanakan dengan komited bagi mencapai visi **“Warga Kerja LADA adalah Bebas Rasuah dan Salah Laku Integriti”**.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada

PENAUNG

YBhg. Dr. Hezri Adnan
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi

Pengurus Bahagian/Ketua Unit yang meluangkan masa dan input yang dihasilkan:

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan	Bahagian Pengurusan Aset
Bahagian Perancangan	Unit Khidmat Korporat
Bahagian Kewangan	Unit Undang-Undang
Bahagian Pelancongan	Unit Pemantauan dan Pelaksanaan
Bahagian Kejuruteraan Teknikal	Unit Audit Dalam
Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan	
Bahagian Teknologi Maklumat	

Terima kasih diucapkan kepada YBrs. Dato' Haji Mohd Asri Redha Bin Abdul Rahman dan YBrs. Tuan Haji Zepri Bin Saad, Jawatankuasa Pembangunan OACP LADA serta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan PARLADA 2020-2024.

Pasukan Sekretariat



Penasihat

Tuan Haji Rohaizad Bin Rashid



Ketua Editor

Nur Fairuz Shahirah Binti Ab Jelani



Pasukan Editor

Muhammad Khairi Bin Azizan, Mardhiyah Binti Suhaimy, Wan Suffurinaz Binti Wan Sulaiman, Hilal Aminur Rashid Bin Suhaimi, Kamariah Binti Musa, Rozita Binti Aziz, Sheikh Abdul Karim Bin Sheikh Mohammed, Nur Adilah Binti Baharuddin

INTEGRITY TODAY

WASPADA MEMBOCORKAN MAKLUMAT JABATAN

ADALAH **SATU KESALAHAN**

(Peraturan 4, P.U.(A)385/1993)

TINDAKAN TATATERTIB BOLEH DIKENAKAN SEHINGGA HUKUMAN BUANG KERJA

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
 Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
 Telefon: 04-9000-771/771-786/784
 Email: integrity@lkgp.gov.my

INTEGRITY TODAY

PEMATUHAN WAKTU BEKERJA PENJAWAT AWAM

Kegagalan Mematuhi Waktu Bekerja Bertentangan Dengan Perintah Am 5, Perintah Am Bab 6 Waktu Bekerja Dan Lebih Maseh 1974 Dan Peruntukan 24, Peruntukan Pegawai Awam (Kekalahan Dan Tatatertib) 1993

PENGURUS BAHAGIAN/KETUA UNIT

Purta mematuhi perengkaan pegawai dengan **MEMASTIKAN** pegawai di bawah seliaan mematuhi **KEBENARAN** sebelum meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja

PAJARAN
 Waktu Bekerja Fiksal
 8.00 pagi – 5.00 petang
 8.30 pagi – 5.30 petang
 9.00 pagi – 6.00 petang
 Waktu Rehat
 1.00 petang – 2.00 petang

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
 Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
 Telefon: 04-9000-771/771-786/784
 Email: integrity@lkgp.gov.my

INTEGRITY TODAY

LAPORKAN KESALAHAN MEMALSUKAN SIJIL CUTI SAKIT

Setiap warga kerja LADA adalah dilarang sama sekali memalsukan sebarang sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik kesihatan/hospital kerajaan/vilik, panel LADA

PEGAWAI YANG DIDAPATI BERSALAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 3, BAHAGIAN II, PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKUNAN, AKTA BADAN-BADAN BERKUNAN (TATATERTIB DAN SURCA) 2000 [AKTA 605]

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti
 Lembaga Pembangunan Langkawi
 Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
 Telefon: 04-9000-771/771-786/784

INTEGRITY TODAY

AWAS MENGEMUKAKAN DOKUMEN ATAU TUNTUNAN PALSU

ADALAH **SATU KESALAHAN**

Di bawah Peraturan 3, Bahagian II, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surca) 2000 (Akta 605)

TINDAKAN TATATERTIB BOLEH DIKENAKAN SEHINGGA HUKUMAN BUANG KERJA

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti
 Lembaga Pembangunan Langkawi
 Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
 Telefon: 04-9000-771/771-786/784

INTEGRITY TODAY

LAPORKAN KESALAHAN GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Setiap warga kerja LADA tidak boleh melakukan gangguan seksual atau mengabaikan kehormatan perkasawati/awam lain atau terdapat orang lain

PEGAWAI YANG DIDAPATI BERSALAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN – PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

PELAKUAN BERSIFAT SEKSUAL

- Cubaan untuk mengutip orang lain
- Meminta layanan seksual
- Menghantar gambar/video mengandungi unsur-unsur seksual sebarang aplikasi kepada orang lain
- Pernyataan yang dibuat secara lisan bertulis dan/atau
- Apapa yang menyebabkan seseorang itu rasa gugup, terhina atau terganggu

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
 Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
 Telefon: 04-9000-771/771-786/784
 Email: integrity@lkgp.gov.my

INTEGRITY TODAY

WASPADA
MENIRU TANDATANGAN PEGAWAI ATASAN
ADALAH
SATU KESALAHAN

Di bawah Peraturan 3, Bahagian II, Peraturan-Peraturan Tata tertib Badan - Badan Berkanun, Akta Badan - Badan Berkanun (Tata tertib Dan Surcaj) 2000 (AKTA 605)

TINDAKAN TATATERTIB BOLEH DIKENAKAN SEHINGGA
HUKUMAN
BUANG KERJA

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti
Lembaga Pembangunan Langkawi
Ara 2, Kompleks LADA, Jalan Persebaran Putra,
07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784

INTEGRITY TODAY

MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN
ADALAH SATU KESALAHAN

Pekerjaan luar tidak boleh dilakukan melainkan dengan RESEPTAN tertentu dengan syarat:

1. Tidak boleh dilakukan dalam waktu pejabat dan sama dikhemah; menjalankan tugas rasmi.
2. Tidak dibenarkan menggunakan kenderaan rasmi LADA untuk tujuan tersebut.
3. Tidak mengesahkan kenderaan sebagai perkhidmatan rasmi.
4. Tidak bertanggjawab dengan keselamatan perkhidmatan badan berkanun.

PEGAWAI PENYELIA
adalah bertanggungjawab untuk menjalankan pengawasan tata tertib ke atas pegawai di bawah seliaannya dan sekiranya gagal,
Pegawai Penyelia boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana TELAHAH dalam melaksanakan tugasnya di bawah Peraturan 21, Bahagian II (AKTA 605)

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Ara 2, Kompleks LADA, Jalan Persebaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Email : integrity@lpg.gov.my

INTEGRITY TODAY

WASPADA
SALAH LAKU PENGGUNAAN KAD PERAKAM WAKTU
ADALAH
SATU KESALAHAN

Setiap warga kerja perlu mengempek Kad Perakam Waktu (KPW) masuk dan keluar pejabat selaras dengan waktu bekerja yang telah ditetapkan. Warga kerja juga adalah dilarang sama sekali untuk mengempek KPW orang lain

PEGAWAI YANG DIDAPATI BERSALAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 3, BAHAGIAN II, PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN, AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 605)

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti
Lembaga Pembangunan Langkawi
Ara 2, Kompleks LADA, Jalan Persebaran Putra,
07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784

INTEGRITY TODAY

PEGAWAI BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB SEHINGGA DIJATUHKAN
HUKUMAN
BUANG KERJA
AWAS
MENERIMA WANG RASUAH

Mana - mana warga kerja LADA yang didapati
MENERIMA WANG RASUAH
adalah melanggar statakelakuan di bawah Peraturan 3, Bahagian II, Peraturan - Peraturan Tata tertib Badan - Badan Berkanun, Akta Badan - Badan Berkanun (Tata tertib Dan Surcaj) 2000 (AKTA 605)

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Ara 2, Kompleks LADA, Jalan Persebaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Email : integrity@lpg.gov.my

INTEGRITY TODAY ?

BIJAKLAH MENGURUSKAN HUTANG-HUTANG ANDA

SUPAYA ANDA TIDAK TERGOLONG DALAM

KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Pegawai Yang Tidak Melaporkan Atau Langkah Melaporkan Keterhutangan Kewangannya Yang Serius Atau Yang Melaporkan Keterhutangan Kewangannya Yang Serius Tetapi Tidak Mendebatkan Tindakan Keterhutangan Itu Dengan Sepenuhnya Atau Memberikan Keterangan Yang Pulus Atau Yang Mengelirukan Mengambil Keterhutangannya Adalah Suatu Pelanggaran Tataertib. Pegawai Boleh Diberikan Tindakan Tatertib Di Bawah Peraturan 32(2) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatertib Dan Surcaj) 2000 (AKTA 695)

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Ara 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon: 04-9500-770/771/785/784. E-mel: integrity@lpp.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

FREEDOM OR DEBT

"MONEY GIVES YOU THE FREEDOM TO DO WITH YOUR TIME THE WAY YOU WANT TO DO WITH IT"

PENGURUSAN KEWANGAN YANG BIJAK DENGAN TIGA (3) TEKNIK BERKESAN MATU

RANCANG - SUSUN - SELESAIKAN

"RANCANGLAH PENGURUSAN KEWANGAN DAN UBAHLAH KEHIDUPAN ANDA"

Pegawai Tidak Boleh Meminjam Wang Daripada Mana-Mana Pihak Atau Menjadi Penjamin Kepada Mana-Mana Pihak Atau Dengan Apa-Apa Cara Melibatkan Dirinya Di Bawah Suatu Obligasi Kewangan Kepada Mana-Mana Pihak Selaras Dengan Peraturan 11, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatertib Dan Surcaj) 2000 (AKTA 695)

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Ara 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon: 04-9500-770/771/785/784. E-mel: integrity@lpp.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

LARANGAN PENGLIBATAN DIRI DALAM POLITIK

PEGAWAI DALAM KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI ATAU PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

TIDAK BOLEH SAMA SEKALI

MENGAMBIL BAGHIAN AKTIF DALAM SEBARANG AKTIVITI POLITIK ATAU MEMAKAI APA-APA LAMBANG SUATU PARTI POLITIK

PEGAWAI YANG DIDAPATI BERSALAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATERTIB KERANA BERKANGSAH DENGAN PERATURAN 20, BAGHIAN 11, TATAKALUHAN, PERATURAN-PERATURAN TATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN, AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 695)

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Ara 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon: 04-9500-770/771/785/784. E-mel: integrity@lpp.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

JOM KITA URUS MEDIA SOSIAL DENGAN BIJAK!!!

BERHATI - HATI

APABILA ANDA MEMULAI NAK MELUJAH RASA ATAU MENYATAKAN SESUATU PENDAPAT TERUTAMA BERKAITAN LADA ATAU DASAR KEBAHAWAN DI MEDIA SOSIAL

TAHUKAH ANDA MEMBUAT

PERNYATAAN AWAM

BOLEH MENYEBARKAN ANDA DIKENAKAN TINDAKAN TATERTIB?

MEMBUAT PERNYATAAN AWAM ADALAH BERKANGSAH DENGAN BOLEH DIBERIKAN TINDAKAN TATERTIB DI BAWAH PERATURAN 18 (1)(c), AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 695)

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Ara 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon: 04-9500-770/771/785/784. E-mel: integrity@lpp.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"



LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

**Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi, Kedah Darul Aman**

Telefon : 04-9600 600
Fax : 04-9600 829
Laman Web : www.lada.gov.my